

19 JUN 2003

Mahathir-Ancaman

UMNO BOLEH HILANG SEGALANYA AKIBAT SIKAP PENTINGKAN DIRI - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa Umno akan kalah dan hilang segalanya dalam pilihan raya akan datang jika pemimpin dan anggotanya mengutamakan kepentingan diri hingga sanggup mengkhianati perjuangan parti.

Presiden Umno berkata sejarah cemerlang Umno akan pudar dan parti tunggal Barisan Nasional itu akan mengalami nasib yang serupa dengan parti-parti nasionalis di negara lain yang kini sama ada sudah lenyap atau tidak lagi berkuasa.

Bagi mengelakkan keadaan sedemikian, tegas beliau, anggota-anggota Umno hendaklah berhenti daripada berebut-rebut jawatan, sebaliknya bersedia berkorban sedikit kepentingan diri dan berusaha ke arah memastikan kemenangan Umno dan Barisan Nasional.

Katanya beliau bimbang ada aliran dalam parti, walaupun tidak menyeluruh, menunjukkan sesetengah pemimpin dan anggota Umno bersikap mementingkan diri dan sanggup mensabotaj calon dari parti sendiri kerana kecewa tidak terpilih.

"Jika lebih ramai yang bersikap demikian, parti akan kalah bukan kerana lawannya lebih kuat, tetapi kerana secara tidak langsung orang Umno bersubahat dengan parti lawan," katanya.

Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri Oktober ini menyatakan demikian dalam ucapan dasarnya yang terakhir pada Perhimpunan Agung Umno yang ke-54 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Acara itu disiarkan secara langsung oleh RTM ke seluruh negara.

Dalam ucapannya yang berkisar kepada ancaman masa depan Umno dan negara, Dr Mahathir menghuraikan secara terperinci pelbagai cabaran dari luar, dalam negara dan di dalam Umno sendiri.

Beliau yang mengetuai Umno dalam lima pilihan raya umum dengan jayanya, berkata Umno perlu terus menang dalam pilihan raya kerana parti itu adalah teras kepada pemerintahan negara serta mempunyai peranan yang amat penting.

"Umno bukan sebarang parti. Umno adalah parti pemerintah...Jika tidak kerana Umno dan falsafah perjuangannya, tidak mungkin negara kita merdeka pada tahun 1957, kita aman dan maju seperti sekarang.

"Hakikat ini diakui oleh semua pihak; orang Melayu, orang Cina, India dan suku-suku kaum yang lain di Malaysia dan juga orang asing," kata beliau.

Justeru itu, kata Dr Mahathir, anggota-anggota Umno dan pemimpin-pemimpinnya di semua peringkat mempunyai tanggungjawab amat berat, yang hanya dapat dipikul dan dijayakan dengan melengkapi diri dengan nilai-nilai, ilmu dan kecekapan yang diperlukan.

Bagi menghadapi cabaran dari luar dan dalam negara serta dalam parti, Dr Mahathir berkata orang Melayu, khususnya anggota Umno, harus berpegang kepada nilai-nilai Islam yang sebenar dan positif seperti bersaudara sesama Muslim, sama ada di dalam atau luar parti dan negara, amanah, berpegang kepada ikrar, rajin bekerja, menguasai aneka jenis kecekapan yang boleh meningkatkan ketahanan.

"Tidak ada pengaruh yang lebih kuat daripada agama Islam untuk membina kekuatan dan ketahanan orang Melayu," katanya dalam ucapannya yang sarat dengan nasihat dan pedoman bagi menjamin kelangsungan Umno.

Presiden Umno lebih dua dekad itu menegaskan bahawa keadaan atau masa depan Umno ditentukan oleh anggotanya sendiri.

"Kita boleh tangani masalah persekitaran luar dan persekitaran dalam dengan mengadakan kerajaan yang berwibawa. Tetapi keadaan dalam parti, dalam Umno tidak boleh ditentukan oleh kerajaan. Hanya yang boleh ialah parti sendiri dan ahli-ahlinya."

Setelah begitu lama Umno berjaya, ramai daripada pemimpin dan anggota parti tidak bersemangat lagi, tetapi sebaliknya mengutamakan kepentingan diri, kata Dr Mahathir.

"Rebutan tempat dalam parti sudah menjadi begitu sengit sehingga kepentingan parti, kepentingan bangsa dan negara diketepikan. Umno dan orang Melayu telah dilemahkan kerana sikap ini," katanya.

Beliau berkata pertandingan dalam parti bertujuan mendapat calon dan pemimpin yang terbaik, bukan untuk berkelahi dan merajuk sehingga sanggup membalas dendam dan merugikan perjuangan parti dan bangsa.

Mereka yang faham demokrasi akan rapatkan balik barisan dalam parti, di belakang pihak yang berjaya selepas selesai pertandingan dan bersama menjayakan perjuangan, katanya.

"Sesungguhnya kejayaan kumpulan akan membawa kejayaan dan nikmat kepada semua individu anggota kumpulan. Sebaliknya kejayaan individu tidak menjamin kejayaan kumpulan," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata Umno boleh kalah dalam pilihan raya bukan kerana lawannya kuat, tetapi kerana angkara anggota Umno sendiri.

"Sesungguhnya musuh Umno tidak kuat. Mereka tidak mungkin mengalahkan Umno. tetapi Umno boleh mengalahkan Umno. Saya tidak perlu hurai perkara ini. Kita semua tahu. Parti lawan tidak menang. Hanya Umno yang kalah," katanya.

"Kuat Umno, kuatlah Barisan Nasional, kuatlah kerajaan Malaysia, kuatlah Malaysia. Lemah Umno akan mengundang malapetaka kepada kita semua."

Dr Mahathir bimbang cabaran yang dihadapi, jika tidak ada semangat dan kesungguhan politik, akan memudahkan sejarah Umno dan parti akan mengikut jejak parti-parti nasionalis di negara lain yang hari ini tidak lagi berkuasa.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana Umno setakat ini berjaya mengatasi pelbagai cabaran dan ancaman, termasuk kesan daripada penubuhan parti serpihan menjelang pilihan raya 1999.

"Tetapi ancaman yang masih ada ialah kesanggupan sesetengah pemimpin dan ahli parti mensabotaj parti kerana kecewa," katanya.

Beliau berkata walaupun sikap yang sedemikian tidak menyeluruh, namun ia satu aliran yang berbahaya kepada parti.

Katanya untuk menghadapi pilihan raya hendak tak hendak calon terpaksa juga ditentukan.

Apabila pemilihan calon telah dibuat mereka yang tidak terpilih akan cuba menentukan calon yang berjaya dikalahkan.

Mereka lupa bahawa kalahnya calon, kalahlah parti, katanya.

"Tetapi demikianlah sikap mereka sehingga mereka rela parti sendiri kalah dan parti lawan menang daripada rakan mereka dalam parti menang."

Perdana Menteri berkata perbuatan sedemikian sebenarnya satu pengkhianatan kepada perjuangan parti, agama, bangsa dan negara.

Beliau juga menyentuh tentang perlunya parti itu untuk sanggup menerima kemasukan anggota baru bagi meneruskan perjuangan bangsa.

Dr Mahathir bersyukur penubuhan sayap ketiga parti itu, Puteri Umno, hari ini diterima dan kerjasama erat diadakan di antara Puteri dan Wanita.

Bagaimanapun, katanya, ada juga cawangan dan bahagian enggan menerima anggota baru terutama yang berkebolehan kerana takut hilang tempat.

"Sikap ini mesti dikikis, jika tidak parti akan mati bersama dengan ahli dan pemimpin yang tua yang ada sekarang ini," katanya.

Dr Mahathir turut mengambil kesempatan itu untuk merakamkan penghargaannya terhadap sokongan Umno, orang Melayu dan Bumiputera serta

seluruh rakyat Malaysia selama beliau menerajui kerajaan dan Barisan Nasional.

Katanya selama ini beliau hanya ingin menyumbang kepada Umno yang telah memberikannya peluang yang banyak untuk merealisasikan segala ideanya ke arah pemulihan maruah bangsa Melayu, memajukan sedikit bangsa dan negara Malaysia.

Beliau menyerahkan kepada rakyat jelata untuk menghukum dan menilai baik buruknya khidmat yang telah diberikannya.

Perdana Menteri juga memohon maaf atas segala kesilapan dan kesalahan beliau sepanjang berkhidmat dengan Umno.

-- BERNAMA

ZS MAM JH ROS